



Ucapan YB. Dr. Mahathir bin Mohamad,  
Menteri Pelajaran, di upacara pembukaan  
resmi Kursus Latihan bagi Guru-Guru  
Kanak-Kanak Cacat Akal pada hari Sabtu,  
16hb. November, 1974, jam 11.00 pagi,  
di Hotel Equatorial, Kuala Lumpur.

---

Saya sungguh gembira kerana berpeluang untuk berucap kepada tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini dan merasmikan pembukaan kursus latihan guru bagi kanak-kanak cacat akal yang dianjurkan oleh Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal, Selangor. Saya sedar bahawa kursus latihan tenaga pengajar seumpama ini julung kali dianjurkan oleh suatu pertubuhan sukarela dan akan dihadiri oleh peserta-peserta daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela dari seluruh Malaysia. Kursus ini bukan sahaja merupakan suatu peluang bagi 40 peserta mempelajari mengenai pengajaran kanak-kanak cacat akal, tetapi juga akan menolong untuk mengujudkan kerjasama yang lebih erat di antara pertubuhan-pertubuhan sukarela dengan berbagai Jabatan Kerajaan.

Saya sungguh tertarik hati dengan rancangan yang telah disusun bagi masa 3 minggu ini. Usaha ini akan menarik pakar-pakar dalam lapangan pelajaran, perubatan dan kebajikan masyarakat yang terdapat di negara ini. Adalah jelas betapa teliti dan banyaknya daya fikiran yang telah ditumpukan untuk merancang kursus latihan yang sangat komprehensif ini. Kursus ini cuba memberikan beberapa asas penting pengajaran kanak-kanak cacat akal kepada para peserta dalam masa yang begitu singkat. Setakat ini, belum ada lagi rancangan latihan bagi guru-guru kanak-kanak cacat akal yang ditawarkan oleh mana-mana agensi di negara ini; sebilangan kecil guru-guru yang berkelayakan mengajar kanak-kanak seperti ini menerima latihan mereka di seberang laut. Dengan

menganjurkan kursus latihan ini, Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal, Selangor telah menempurnakan suatu keperluan yang sangat dirasakan dalam lapangan pelajaran khas ini disamping membuktikan kedudukannya sebagai salah sebuah pertubuhan sukarela yang berjaya di negeri Selangor.

3. Kementerian Pelajaran menyedari adanya kanak-kanak cacat akal dan kanak-kanak lambat yang tidak boleh belajar di sekolah biasa tetapi berkehendakkan kemudahan-kemudahan pelajaran khas. Kementerian ini mengakui hak-hak mereka yang cacat akal dan menyedari tentang Perisytiharan Hak Orang-Orang Cacat Akal (Declaration on the Rights of Mentally Retarded Persons) yang dibuat oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20hb. Disember, 1971. Kebajikan dan kepentingan mereka yang kurang bernasib baik dari segi jasmani dan rohani hendaklah terjamin. Mereka hendaklah dibantu untuk memajukan dan memperkembangkan kebolehan mereka dalam berbagai bidang kegiatan dan menyesuaikan diri mereka dengan kehidupan biasa. Dengan adanya pengakuan bahawa mereka yang cacat akal mempunyai hak yang sama dengan manusia-manusia lain, mereka berhak mendapat peluang-peluang yang sama dalam lapangan pelajaran, latihan, pemulihan dan bimbingan yang diberikan kepada lain-lain rakyat di negara ini. Mereka berhak mendapat jaminan ekonomi dan taraf hidup yang sempurna dan menyertai dalam kerja-kerja yang produktif dengan menggunakan keupayaan serta kemahiran mereka sepenuhnya.

4. Oleh yang demikian, rancangan pelajaran dan latihan yang terbaik sekali bagi kanak-kanak cacat akal ialah rancangan yang rapat hubungannya dengan kehidupan biasa. Mereka yang kurang bernasib baik hendaklah tinggal bersama-sama keluarga sendiri dan menyertai dalam berbagai kegiatan masyarakat seberapa yang boleh. Sebaik-baiknya kanak-kanak cacat akal tidak sepatutnya

diberi pendidikan di sekolah-sekolah yang terasing, tetapi adalah lebih baik sekiranya diadakan kelas-kelas untuk mereka di sekolah-sekolah biasa dengan kemudahan-kemudahan khas selaras dengan kecacatan mereka. Dengan adanya pendidikan dalam alam sekitar yang biasa mereka akan lebih mudah lagi menyesuaikan diri dengan masyarakat apabila mereka dewasa kelak. Kanak-kanak lain juga di sekolah itu akan belajar menerima rakan-rakan mereka yang cacat tanpa ejekan dan penghinaan.

5. Kementerian Pelajaran sedang giat berusaha meninjau kemungkinan menempatkan lebih ramai lagi guru-guru terlatih ke sekolah-sekolah bagi kanak-kanak cacat akal sebagai tambahan kepada guru-guru yang sedia ada. Dalam pada itu juga, rancangan-rancangan telahpun dibuat untuk melatih guru-guru di seberang laut dalam bidang pendidikan kanak-kanak cacat akal. Langkah-langkah ini akan meringankan masalah kekurangan guru-guru terlatih yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela seumpama ini.

6. Walau bagaimanapun, pertubuhan-pertubuhan sukarela masih mempunyai peranan penting untuk dimainkan sekarang dan masa hadapan, terutamanya berhubung dengan pendidikan kanak-kanak yang lebih teruk cacat akal mereka. Kita mengucapkan tahniah kepada Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal, Selangor atas kerja yang sungguh cemerlang yang telah dijalankan semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1964. Persatuan ini telah dapat memelihara taraf pendidikan yang tinggi meskipun kelima-lima buah sekolahnya menumpang di bangunan-bangunan lain dan kebanyakan daripada kakitangan mereka terdiri daripada guru-guru yang tidak terlatih. Dari sejumlah 14 orang guru, hanya dua orang sahaja yang mempunyai kelayakan latihan guru yang diiktiraf.

9. Akhir kata dalam masa tiga minggu ini para peserta akan dapati banyak yang patut dipelajari mengenai pengajaran 'amnya dan pengajaran kanak-kanak cacat akal khususnya. Berbagai ceramah dan perbincangan akan diadakan. Saya yakin bahawa apa yang tuan-tuan dan puan-puan pelajari nanti sangatlah berfaedah apabila tuan-tuan kembali mengajar di sekolah tuan-tuan tahun hadapan. Tiap-tiap pensyarah yang menyertai kursus ini telah dipilih atas kepakaran dan pengalaman mereka yang lama dalam lapangan ini. Saya mengucapkan selamat berjaya kepada semua peserta dan pensyarah dalam tugas mereka dan sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal, Selangor kerana menganjurkan kursus ini dan terima kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan pembukaannya. Sekarang dengan seberapa sukacitanya saya rasmikan pembukaan Kursus Latihan Guru ini.

---